

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Tiada kluster baharu dikesan

KL rekod jangkitan baharu tertinggi disumbang kes Tapak Bina Damanlela

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan mengesahkan tiada kluster baharu COVID-19 dikesan di negara ini semalam, selepas kali terakhir rekod itu dilakar pada 31 Oktober.


Bagaimanapun, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 55 kluster masih mencatatkan pertambahan kes dengan paling tinggi Kluster Tapak Bina Damanlela di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, dengan 568 kes baharu, Kluster Tapak Bina Damanlela yang kini memasuki generasi keenam turut menyebabkan Kuala Lumpur merekodkan jumlah kes baharu tertinggi semalam.

Dua lagi kluster yang turut mencatat pertambahan kes yang tinggi ialah Kluster Tembok dengan 99 kes dan Kluster Tapak Bina Rimbu dengan 27 kes.

"Sejak penularan COVID-19, 418 kluster dikesan dengan 229 diisytiharkan tamat termasuk dua hari ini (semalam) iaitu Kluster Istimewa dan Kluster Sepanggar, yang masing-masing tidak lagi mencatatkan pertambahan kes dalam tempoh 28 hari.

"Kluster Istimewa dikesan di Sandakan, Sabah dan sehingga kini menjangkiti 26 individu iaitu 24 warganegara serta dua warga asing, manakala Kluster Sepanggar dikesan di Kota Kinabalu dan



Seorang penduduk melakukan ujian saringan di klinik kesihatan di Kuantan, semalam.

(Foto Fatizul Hafiz Awang/BH)

sudah menjangkiti 10 individu. "Tiada kematian dilaporkan melalui kedua-dua kluster ini," katanya melalui kenyataan semalam.

Mengulas statistik harian, beliau memaklumkan 1,772 kes baharu COVID-19 dengan tiga kematian direkodkan semalam, menjadikan kumulatif 86,618 kes dan 442 kematian.

"Selain Kuala Lumpur yang mencatatkan 696 kes atau 39.3 peratus daripada jumlah kes harian, Selangor juga merekodkan pertambahan tinggi dengan 503 kes (28.4 peratus) dan Sabah sebanyak 260 kes (14.7 peratus).

"Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam) terdapat 1,084 kes sembuh dilaporkan menjadikan kumulatif 71,681 kes sudah pulih sepenuhnya daripada COVID-19

Sejak penularan COVID-19, 418 kluster dikesan dengan 229 diisytiharkan tamat termasuk dua hari ini (semalam) iaitu Kluster Istimewa dan Kluster Sepanggar, yang masing-masing tidak lagi mencatatkan pertambahan kes dalam tempoh 28 hari.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

atau 82.8 peratus daripada keseluruhan kes," katanya.

Mengenai kematian, Dr Noor Hisham berkata semuanya membabitkan warga tempatan yang mempunyai sejarah pelbagai sakit kronik di Hospital Duchess of Kent di Sandakan, Sabah.

"Kes kematian ke-420 membabitkan wanita berusia 45 tahun yang mempunyai penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik dan strok.

"Bagi kes kematian ke-421, membabitkan lelaki berusia 88 tahun dan mempunyai penyakit darah tinggi, kelenjar prostat dan buta.

"Kematian ke-422 pula membabitkan lelaki berusia 75 tahun dan mempunyai penyakit darah tinggi, paru-paru kronik dan jantung," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : COVID-19

Sebanyak 1,772 individu disahkan positif Covid-19 semalam

Kuala Lumpur: Jangkitan positif Covid-19 dalam negara merekodkan 1,772 kes baharu, semalam dengan kes aktif berjumlah 14,515 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan kes keseluruhan berjumlah 86,618 kes sehingga semalam.

Menurut Dr Noor Hisham, daripada jumlah kes baharu berkenaan terdapat 12 kes



Kuala Lumpur melaporkan kes harian tertinggi iaitu 696 kes dengan 567 kes adalah dari Kluster Tapak Bina Damanlela"

Dr Noor Hisham

import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan dalam negara pula sebanyak 1,760 kes.

Menurutnya, sehingga kini terdapat 118 kes positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 56 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Katanya, terdapat tiga kematian direkodkan, semalam menjadikan kes kematian di Malaysia sebanyak

422 kes.

"Kuala Lumpur melaporkan kes harian tertinggi hari ini (semalam) iaitu sebanyak 696 kes dengan 567 kes adalah dari Kluster Tapak Bina Damanlela membabitkan generasi kelima dan keenam.

"Kes kedua tertinggi adalah Selangor dengan sebanyak 503 kes dan diikuti dengan Sabah sebanyak 260 kes.

"Sebanyak 120 kes yang di-

laporkan pula adalah berkaitan kluster di penjara iaitu Kluster Tembok sebanyak 99 kes, Kluster Penjara Jalan Harapan (15 kes) dan Kluster Bakti (6 kes)," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Di samping itu, Dr Noor Hisham berkata, sehingga semalam terdapat sebanyak 418 kluster dilaporkan dengan 229 kluster termasuk dua kluster tamat iaitu Kluster Istimewa dan Kluster Se-

panggar di Sabah.

"Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak 189 kluster dan sebanyak 55 kluster melaporkan pertambahan kes pada hari ini (semalam).

"Kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah Kluster Tapak Bina Damanlela (568 kes), Kluster Tembok (99 kes) dan Kluster Tapak Bina Rimbun (27 kes)," katanya, semalam.



ANGGOTA bomba menjalankan proses sanitasi di dalam Sukan yang menempatkan pesakit Covid-19.

Oleh Asrol Awang
am@hmetro.com.my

Kuantan

Seramai 142 pesakit Covid-19 membabitkan 132 dari Kluster Genting dan 10 Kluster Kuala ditempatkan di Pusat Kuarentin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) Stadium Tertutup Kompleks Sukan Pahang (Sukpa) di sini.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pahang dalam satu kenyataan media semalam memaklumkan sepanjang tempoh lima hari pengoperasian PKRC, tiada insiden cubaan melarikan diri atau sebagainya seperti dibimbangi orang ramai sebelum ini.

Katanya, keadaan terkawal dan keselamatan peringkat tertinggi dilaksanakan di PKRC antaranya kawalan keselamatan 24 jam oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pasukan Sahabat serta penggunaan rakaman kamera litar tertutup CCTV.

"Oleh itu, orang ramai di-

Tiada insiden melarikan diri

142 pesakit Covid-19 daripada Kluster Genting, Kluster Kuala ditempatkan di PKRC Sukpa

nasihat tidak bimbang berkenaan keselamatan dan sehingga kini tiada sebarang penularan dalam komuniti yang berpunca daripada Kluster Genting ini," katanya.

Berdasarkan perkembangan terkini, katanya, di Kuantan ada empat kluster yang aktif iaitu Kluster Atabara dan Kluster Inten di sekitar Indera Mahkota, Kluster Kuala (sekitar kawasan pusat bandar) dan Kluster Kristal (sekitar Sungai Karang Darat).

Katanya, empat kluster terbabit tiada kaitan dengan Kluster Genting, malah wa-

bak itu berkembang sebelum pembukaan Sukpa sebagai PKRC.

"Setakat ini, Pejabat Kesihatan Daerah Kuantan mengenal pasti 763 kontak rapat membabitkan 258 rumah dan premis daripada empat kluster itu yang dijangkakan jumlah itu akan meningkat.

"Bagi Kluster Kuala pula, ia berpunca daripada pekerja restoran yang mempunyai beberapa cawangan di daerah ini.

"Modus pengendalian restoran ini adalah secara dapur berpusat dan makanan akan diedarkan ke cawa-

ngan.

"Berdasarkan analisis yang dibuat, kluster ini berisiko tinggi untuk penularan dalam komuniti," katanya.

Bagi Kluster Atabara, Kluster Kuala, Kluster Inten dan Kluster Kristal, katanya, masih terdapat kes positif dikesan daripada kluster terbabit.

"Ini menunjukkan penularan daripada kluster ini masih aktif dalam komuniti.

"Semua pihak diminta menjaga diri dan keluarga sendiri supaya tidak menjadikan kluster ini berkembang," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Kluster Tapak Bina Damanlela di Kuala Lumpur turut catat 567 kes 'Jangkitan generasi keenam'

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Kluster Tapak Bina Damanlela yang dikesan pada 7 November lalu melaporkan peningkatan kes mendadak selepas merekodkan 567 kes atau 81.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes harian di Kuala Lumpur berbanding hanya 25 kes, kelmarin.

Kluster yang dikesan hasil saringan tahanan itu memasuki jangkitan generasi kelima dan keenam sekali gus menjadikan pelaporan kes di Kuala Lumpur adalah paling tinggi dengan 696 kes diikuti Selangor (503) dan Sabah (260).

Pada masa sama, kes harian baharu dilaporkan 1,772 kes melibatkan 1,760 penularan tempatan dan 12 kes import menjadikan jumlah kes keseluruhan sebanyak 86,618.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kluster-kluster di penjara pula merekodkan sebanyak 120 kes yang membabitkan Kluster Tembok (99 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (15) dan Kluster Bakti (enam).



PEKERJA asing sedang menjalankan kerja-kerja pembinaan di Jalan Bukit Pantai semalam. – AMIR KHALID

Beliau berkata, sebanyak 55 kluster melaporkan pertambahan kes dengan tiga daripadanya merekodkan peningkatan kes tertinggi iaitu Kluster Tapak Bina Damanlela (568), Kluster Tembok (99) dan Kluster Tapak Bina Rim-bun (27).

"Tiada kluster baharu dilaporkan dan terdapat dua kluster yang ditamatkan iaitu Kluster Istimewa dan Kluster Sepanggar di Sabah.

"Ini menjadikan kluster yang telah tamat sebanyak 229 manakala kluster aktif yang di-

pantau sebanyak 189," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Noor Hisham berkata, tiga lagi kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan di Hospital Duchess of Kent, Sandakan, Sabah yang kesemuanya membabitkan warganegara menjadikan jumlah

Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	1,772
import: 12 Tempatan: 1,760	
• Pulih	1,084
• Kematian	3
• Masih dirawat	14,515
• Jumlah kes sembuh	71,681
• Jumlah Kematian	422
Jumlah kes keseluruhan	86,618

keseluruhan kes kematian sebanyak 422.

Menurutnya, kematian mangsa ke-420 ialah seorang wanita berusia 45 tahun dengan latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik dan strok.

"Kematian ke-421 dan 422 adalah lelaki berusia 75 dan 88 tahun yang masing-masing menghidap darah tinggi, paru-paru kronik dan penyakit jantung serta darah tinggi, kelenjar prostat dan buta," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, sebanyak 1,084 kes pulih dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan pulih adalah 71,681.

Tarik semula lesen premis hiburan ingkar arahan

Oleh NUR HUDA MUSA

PETALING JAYA – Tindakan tegas termasuk menarik semula lesen akan diambil terhadap pemilik pusat hiburan yang ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan itu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil tindakan tegas kepada pemilik pusat-pusat hiburan yang berdegil beroperasi semasa tempoh pelaksanaan PKP.

"Arahan daripada kerajaan amat jelas iaitu tidak membenarkan kelab malam dan pusat hiburan kembali beroperasi buat masa ini dan masih lagi di dalam senarai terlarang. Namun tangkapan operasi pusat hiburan berlaku hampir setiap hari.

"Pada 12 Disember lalu tangkapan di pusat hiburan mencatatkan angka tertinggi iaitu 292 tangkapan. Oleh itu, saya ingin mengingatkan PBT untuk bertegas menarik semula lesen premis terbabit yang sekali gus akan menghentikan operasi mereka untuk selama-lamanya sekiranya masih berdegil," katanya dalam sidang akhbar Facebook Live semalam.



PEMILIK premis hiburan boleh dikenakan tindakan tegas sekiranya masih masih berdegil dengan beroperasi semasa PKP. – GAMBAR HIASAN

Katanya, sebanyak 2,947 Task Force oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dijalankan melibatkan 39,415 pemeriksaan pematuan prosedur operasi standard (SOP) di seluruh negara kelmarin.

Dalam pada itu, masih terdapat kekeliruan dari segi penguatkuasaan pemakaian pelitup muka yang hanya diwajibkan apabila berada di tempat awam yang sesak.

"Jika kita bersendirian atau ada penjarakan fizikal, terdapat kelonggaran untuk tidak memakai pelitup muka seperti ketika makan di kedai makan," tambahnya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kejadian tular baru-baru ini apabila seorang individu dikompaun ketika sedang berada berseorangan di taman awam yang kosong.



Sementara itu, beliau berkata, semua majikan diseru agar memberi kerjasama kepada Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi menjalankan ujian saringan Covid-19 terhadap pekerja-pekerja

asing di premis mereka. "Sehingga kini hampir 17,000 pekerja telah disaring dan daripada jumlah tersebut seramai 555 didapati positif dan hampir 16,400 yang lain negatif Covid-19," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kes positif kekal empat angka

Malaysia catat 1,772 kes baharu, tiga kematian pada Selasa

KUALA LUMPUR

Kes harian positif Covid-19 dalam negara terus mencatat empat angka dengan 1,772 kes direkodkan pada Selasa menjadikan kumulatif 86,618 kes setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sehingga 12 jam tengah hari semalam, sejumlah 1,084 kes sembuh dilaporkan menjadikan kumulatif 71,681 kes sudah pulih sepenuhnya atau 82.8 peratus daripada keseluruhan kes.

Menurutnya, tiga kematian baharu dilaporkan kesemuanya di Sandakan, Sabah menjadikan jumlah kematian sehingga kini kepada 422 orang iaitu 0.49 peratus daripada jumlah keseluruhan.

"Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat 12 kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara, manakala penularan Covid-19 dalam negara pula adalah sebanyak 1,760 kes," katanya dalam kenyataan mengenai Covid-19 di sini pada Selasa.

Beliau berkata, daripada jumlah kes baharu itu, Kuala Lumpur mencatatkan kes harian tertinggi iaitu 696 kes (39.3 peratus) adalah berpunca daripada saringan Kluster Tapak Bina Damanlela yang melibatkan generasi kelima dan ke-



Suasana lengang di sebuah pusat beli-belah di Kuantan, Pahang pada Selasa. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Pahang memaklumkan agar semua pihak menghadkan pergerakan keluar rumah berdasarkan situasi semasa yang menyaksikan empat kluster Covid-19 masih aktif di Kuantan.

nam.

Dr Noor Hisham berkata, kes kedua tertinggi adalah di Selangor dengan 503 kes (28.4 peratus) dan diikuti Sabah sebanyak 260 kes (14.7 peratus).

Beliau berkata, daripada 696 kes yang dilaporkan di Kuala Lumpur, 629 kes adalah daripada kluster sedia ada, 31 kes daripada saringan kontak rapat kes positif, lapan kes import dari

luar negara dan 28 kes daripada lain-lain saringan Covid-19.



Kes baharu di negeri lain ialah di Perak sebanyak 110 kes, Negeri Sembilan (67), Johor (48), Pulau Pinang (34), Kedah (20), Labuan (11), Pahang (8), Terengganu (7), Melaka (5), Kelantan (3) dan tiada kes baharu dilaporkan di Sarawak, Putrajaya dan Perlis.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, pada masa ini terdapat 118 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 56 memerlukan bantuan pernafasan.


Beliau berkata, tiga kematian semalam melibatkan seorang wanita berusia 45 tahun, dua lelaki masing-masing berusia 75 dan 88 tahun di Hospital Duchess of Kent, Sandakan. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI									
JUMLAH KESELURUHAN	86,618	PULIH	71,681	ICU	118	KEMATIAN	422	KES BAHARU	+1,772



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 84,846 kes kepada 86,618 kes

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 15 Disember 2020

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : DALAM NEGERI

KL catat angka tertinggi Kluster Tapak Bina Damanlela

1,772 kes positif seluruh negara

Oleh **PETAH WAZZAN ISKANDAR**
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kluster Tapak Bina Damanlela mencatat 567 kes positif Covid-19 melibatkan generasi kelima dan keenam sekaligus menyumbang angka kes baharu tertinggi di Kuala Lumpur dengan 696 kes, semalam.

Selangor pula merekodkan sebanyak 503 kes diikuti dengan Sabah sebanyak 260 kes.

Terdapat 118 kes yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) yang mana 56 kes memerlukan bantuan pernafasan dengan tiga kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 1,772 kes positif baharu yang menjadikan jumlah kes di Malaysia sebanyak 86,618 kes.

Katanya, jumlah kes aktif dengan kebolejangkitan pula 14,515 kes.

"Sebanyak 189 kluster aktif dipantau dan daripada jumlah itu, sebanyak 55 kluster melaporkan pertambahan kes semalam.

"Kluster yang melaporkan per-

tambahan kes baharu tertinggi adalah Kluster Tapak Bina Damanlela (568 kes), Kluster Tembok (99 kes) dan Kluster Tapak Bina Rimbum (27 kes)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Noor Hisham berkata, sebanyak 120 kes yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara.

"Kluster terbabit ialah Kluster Tembok (99 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (15 kes) dan Kluster Bakti (6 kes).

"Bagi kes sembuh pula, kita merekodkan sebanyak 1,084 kes dan ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya adalah 71,681 kes," katanya.

Mengulas mengenai tiga kematian, beliau berkata, ia melibatkan dua lelaki dan seorang wanita di Sabah yang berusia 45 tahun hingga 88 tahun.

"Semua pesakit yang menerima rawatan di Hospital Duchess of Kent, Sandakan, Sabah mempunyai latar belakang penyakit antaranya kencing manis, darah tinggi, buah pinggang, kelenjar prostat, buta, paru-paru, jantung dan strok," katanya.



KLUSTER tapak binaan menyumbang angka kes baharu tertinggi Covid-19, semalam. -UTUSAN/AMIR KHALID

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/NATION

COST FACTOR

MALAYSIAN RETURNEES CAN GET TESTED HERE

They can skip tests abroad and fly straight home, but must be quarantined for 10 days

ESTHER LANDAU
AND MOHAMED BASYIR
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIANS returning from abroad can opt to undergo Covid-19 swab tests upon arrival in Malaysia prior to undergoing the mandatory 10-day quarantine period.

Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said Malaysian students in the United Kingdom and United States had raised the issue of costly tests abroad.

"The National Security Council (NSC) has agreed to allow them to skip the test there and do it when they arrive here instead.

"There are also countries which did not carry out tests for those flying back to their hometowns.

"So, if they want to fly straight back here, it is allowed, but they will also have to undergo the full 10-day quarantine here," he said at a press conference yesterday.

The Health Ministry had on Monday agreed to reduce the quarantine period from 14 to 10 days. The 10-day period is inclusive of the three-day quarantine before their flight home.

Meanwhile, Ismail Sabri said night clubs, pubs and entertainment outlets were still contributing to the high number of arrests of individuals who violate the standard operating procedures (SOP) under the Recovery Movement Control Order.

The government, he said, made it clear that such premises were still under the restricted lists and not allowed to operate throughout the enforcement period.

"On Dec 12, arrests involving

entertainment activities were the highest at 292.

"I have instructed the local authorities to be stern and not to tolerate any errant behaviour. If they still do not comply with the SOP, their licences will be revoked and operations stopped indefinitely."

Ismail Sabri clarified that the wearing of face masks was only mandatory in crowded places.

Referring to an incident where a senior citizen in Klang was fined RM1,000 for not wearing a face mask, the minister said the person should not have been issued with a compound.

The man, he said, was in a public area, but was alone.

"There is still confusion about the SOP. It is only compulsory to wear face masks in crowded public places.

"If one is on a bus or train where it will be crowded, then it is compulsory.

"However, when observing physical distancing for example, or when eating at a restaurant, then they need not wear it."



Travellers waiting to board domestic flights at the Kuala Lumpur International Airport last week. PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

SLIGHT INCREASE IN DAILY NUMBERS

1,772 new Covid-19 cases, no new cluster reported

KUALA LUMPUR: Malaysia logged 1,772 new Covid-19 infections yesterday, a slight increase from the 1,371 cases recorded on Monday.

This took the total number of positive cases to 86,618, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, adding that 14,515 were active cases.

Of the new cases, he said, 12 were imported cases.

Dr Noor Hisham said Kuala Lumpur contributed the highest daily cases in the country yesterday at 696, of which 567 cases were from the Damanlela Construction Site cluster, which involved the fifth and sixth generation of the cluster.

"Selangor has the second highest number of cases at 503 cases followed by Sabah (260), Perak (110), Negri Sembilan (67), Johor (48), Penang (34), Labuan (11), Kedah (10), Pahang (eight),



Workers getting Covid-19 swab tests at BP Healthcare Klang on Saturday. PIC BY MUHD ASYRAF SAWAL

Terengganu (seven), Melaka (five) and Kelantan (three)."

He also said 120 of yesterday's new cases were linked to the prison clusters involving the Tembok cluster (99), the Jalan

Harapan Prison cluster (15) and the Bakti cluster (six).

On recoveries, Dr Noor Hisham said 1,084 patients were discharged yesterday, bringing the tally to 71,681.

"There are now 118 patients being treated at the Intensive Care Unit with 56 of them put on ventilators.

"Unfortunately, we recorded three new deaths related to coro-

navirus today (yesterday), pushing the country's Covid-19 death toll to 422."

All three deaths were reported at the Duchess of Kent Hospital in Sandakan, Sabah, involving one female and two male patients.

On clusters, Dr Noor Hisham said there was no new Covid-19 cluster reported yesterday, adding that there were 189 active clusters on the ministry's radar.

"Out of these active clusters, 55 of them logged new cases today. The top three cluster with the highest daily cases are the Damanlela Construction Site cluster (568), the Tembok cluster (99) and the Rimbun Construction Site cluster (27).

"The ministry has ended its surveillance on two clusters — the Istimewa cluster and the Sepanggar cluster in Sabah — today (yesterday)."

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

Zafrul: No volatility in market

'Malaysia not seeing knee-jerk reaction to Fitch Ratings downgrade'

DESPITE the recent Fitch Ratings downgrade of Malaysia's sovereign rating, there was no volatility in the country's stock market, says Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

"Since the announcement, there has been no knee-jerk reaction from the market.

"In this respect, the FBM KLCI and ringgit remained stable and we recorded a high bid to cover ratio demand of 2.6 times above the value of government MGII (Malaysian Government Investment Issues) 10-year bonds offered last week," said the Finance Minister when replying to a question by Lim Guan Eng (PH-Bagan) yesterday.

Zafrul said investor confidence in Malaysia remains positive.

"This can be seen from eight venture capital fund managers from the United States, South Korea, China, Indonesia and Singapore who have agreed to invest RM1.57bil in the country's start-up companies.

"Though Malaysia's sovereign rating was lowered from A- to BBB+, it included an improved outlook



Stating the facts: Zafrul replying to questions in Parliament. — Bernama

from negative to stable," he said.

Zafrul also told lawmakers that most global rating agencies had issued some 220 negative ratings since early March.

"This includes downgrading ratings for over 100 countries such as the United Kingdom, Hong Kong, Chile and Laos," he said.

Zafrul said although the review rating for Malaysia was not against the global rating trend, he had

voiced the country's stand over the Fitch Ratings.

"The rating did not take into account the effective implementation of the economic recovery and stimulus packages.

"Our gross domestic product has shrunk at a slower pace of 2.7% in the third quarter as compared to 17.1% in the previous quarter — the best in Asean," he said.

Zafrul said some 2.8 million

employees retained their jobs through the wage subsidy programme which helped to reduce the unemployment rate from 5.3% in May to 4.7% in October.

He said Johns Hopkins University had also noted that Malaysia has one of the lowest global Covid-19 mortality rates.

On political appointments of directors in government-linked companies (GLCs), the minister said such appointments were done based on qualification, experience and expertise in line with the policy under the Malaysian Code of Corporate Governance.

Based on the status of the company, he said political appointments must also undergo screening by Bursa Malaysia, Bank Negara, Malaysian Anti-Corruption Commission, police and others.

"The government remains committed towards strengthening the economy and improving good governance. This includes tabling a Fiscal Responsibility Bill to ensure better fiscal management and transparency," he said.

Adham completes HSO order, can return to House

HEALTH Minister Datuk Seri Dr Adham Baba has completed his home surveillance order (HSO) and is allowed to return to the Dewan Rakyat, says Datuk Azhar Azizan Harun.

The Dewan Rakyat Speaker said this came following the decision by the Health Ministry to shorten the quarantine period from 14 days to 10 days.

"Taking into account the shortened period for HSO, I was informed that YB Tenggara (Dr Adham) has completed his HSO and can return to the Dewan today," he said when chairing the proceedings yesterday.

The Speaker also said the quaran-

tine period for two other MPs — Datuk Seri M. Saravanan (BN-Tapah) and P. Prabakaran (PH-Batu) — would end soon.

Azhar said the Batu MP could return today while the Tapah MP's quarantine period would end tomorrow.

Earlier, Opposition leader Datuk Seri Anwar Ibrahim sought an explanation on the standard operating procedures under the new norm for the House as the three MPs had turned up in personal protective equipment (PPE) to participate in the voting process.

Dr Adham, Saravanan and Prabakaran were seen seated on

the highest floor of the House, away from the other MPs during the process on Monday.

All three were clad in full white aprons, along with a blue shower cap and a visor.

Anwar requested for proof on the order to allow the three MPs to participate in the voting process.

He also asked why the three MPs were made to sit on the highest floor.

To this, Azhar said the Health director-general had given a letter to the three lawmakers, dated Dec 14, to allow them time off to be present during the voting process this week with conditions.

"I have a copy of the approval letter and can show it to you later. I also instructed the three MPs to sit at the public gallery so that they can participate in the voting process.

"This exception is not new and also applies to patients under surveillance who had to attend funerals or visit loved ones during an emergency situation.

"I allowed them to wear PPE for the safety and health of everyone in the House," he said.

Azhar also said the three MPs were accompanied by the sergeant-at-arms to participate during the voting process and had their attendance taken as well.